Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Anwar Mohd Zain berkata, penyelidikan yang dijalankan oleh kerajaan harus menghasilkan padi yang lebih banyak dan berkualiti tinggi. Beliau berkata, kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk meningkatkan hasil beras.

Menurut beliau, petani kini menghadapi banyak masalah dalam penanaman padi antaranya kelewatan penghantaran benih sehingga menjadikan jumlah penanaman padi berkurangan di kawasan MADA.

Jadual penanaman padi bagi musim ini 29 September tetapi sehingga hari ini petani



**KETALAMAN** dijangka selesai dan adalah isu penanaman padi sebelum berfikir untuk menubuhkan sebarang penyelidikan.

belum tertuna benih, jadi ini menyebabkan kelewatan jumlah penanaman padi.

"Saya difahamkan masalah ini terjadi disebabkan berliku peritiran antara pengang dan

"Berdasarkan Menbest, Dato' Seri Anwar Ibrahim sebelum ini telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM3 bilion bagi menyediakan infrastruktur seperti sistem pengaliran dan jalan di kawasan sawah.

Suatu ciri pengaliran yang ada di kawasan sawah adalah saluran air yang mengalir ke arah kanan dan kiri. Ini memastikan air tidak terkumpul di satu tempat sahaja.

"Sekurang-kurangnya, kerajaan boleh menyediakan jalan-jalan di kawasan sawah. Ini akan memudahkan petani untuk membawa hasil mereka ke pasaran.

Katanya, isu-isu ini harus dibincangkan dengan petani dan pihak-pihak berkaitan.

Menurut beliau, petani harus diberi maklumat mengenai masalah yang dihadapi dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikannya.

## Tanaman kontan di sawah beri hasil lebih cepat

**PASIR SALAK:** Tidak ramai petani yang menggunakan kaedah penanaman kontan di sawah. Ini kerana kaedah ini memerlukan pengetahuan yang mendalam mengenai jenis benih, waktu tanam dan pemeliharaan tanaman.

Mohd. Saiful Hisham Mohd. Amir, 40, berkata, antara tanaman kontan yang popular di kawasan ini adalah padi. Beliau berkata, petani harus memilih jenis benih yang sesuai dengan keadaan tanah dan iklim di kawasan tersebut.

Menurut beliau, dari pada tiga ekar tanah sawah dimilikinya, dia menggunakan sekitar 10 peratus untuk penanaman kontan.

"Untuk mendapatkan hasil padi yang baik, kosnya tinggi katu untuk seekar sawah perlu modal sekurang-kurangnya RM1,200 dan kena tunggu beberapa minggu untuk dapat hasil.

"Ini menyebabkan saya tidak bergautung sepenuhnya kepada hasil padi, saya tanam juga sawah yang lain. Saya juga menanam padi yang lain untuk mendapatkan hasil.

Kata Saiful, tanaman kontan lebih baik dari segi hasil berbanding padi kerana tanaman kontan boleh menjana pendapatan lebih cepat.

lupa sudah mengeluar kan hasil, selain dijual, dapat juga digunakan sebagai bahan untuk isteri saya membuat kuih.

"Biar masa ini saya menanti dan tunggu. Kalau itu berkah yang di hasilkan Jabatan Pertanian.

"Saya bercadang nak tanam kelapa. Kumpang kerana buahnya lebih besar dan buangnya lebih tinggi," katanya.

# Serah MARDI uruskan benih padi

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
[hafiz.mutalib@mediamulla.com.my](mailto:hafiz.mutalib@mediamulla.com.my)

**ARAU:** Urusan bekalan benih padi patut diserahkan kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi atasi masalah kelewatan dan kualiti input yang membelenggu pesawah lebih 10 tahun lalu.

Penyaluran bekalan benih padi kepada banyak pihak dilihat tidak lagi efisien kerana ia lebih buka ruang kepada isu kartel atau orang tengah menguasai pasaran benih berkenaan, sekali gus tercetus masalah kenaikan harga, kualiti dan kelewatan input setiap kali tiba musim penanaman padi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, kelewatan bekalan dan kualiti benih padi bukan perkara baharu, malah sudah berlarutan lebih 10 tahun dengan setiap musim masalah sama berulang.

**Bersambung di muka 2**

**Minda Pengarang**  
 MOHD. RAZI MOHD. ZIN

*Padi: Manfaatkan kepekaran MARDI*



ADA dua perkara yang perlu diberi fokus dalam isi kekurangan hasil padi negara iaitu benih padi dan sistem pengairan. Padi segi benih, negara tidak mengagalkan sebenarnya dalam aspek ini, namun, ini dibantu oleh pihak penyediaan benih padi. MARDI sudah membangunkan lebih 53 varieti padi yang dimakan oleh rakyat dan digunakan oleh 95 peratus penanam padi di seluruh negara ketika ini.

Sebaliknya, ia perlukan masa antara lapan ke 10 tahun dengan kos tidak kurang 1000 juta, kata Ketua Pengarah MARDI, Mohd. Shazwan, ketika ditanya mengenai hal ini.

Namun, terucapan itu seolah-olah tidak dibarengi dengan diwujudkan sebuah mata. Ini barangkali kerana agensi tersebut tidak terlibat dalam pengurusan ladang. Walaupun amat besar sumbangan MARDI kepada negara.

Dalam masa sama, agensi tersebut turut memperkalkan tujah teknologi dalam rancangan pengeluaran padi dan beras negara untuk legoman kumpulan asas. Tujuannya untuk meningkatkan mutu dan ketahanan pengeluaran bahan makanan padi itu.

Untuk itu, amat wajar jika pembehalan benih padi diserahkan kepada MARDI yang terbukti mampu bekalkan benih yang berkualiti. Ia juga bagi mengatasi soal benih yang sedang dimanfaatkan orang tengah yang mengawal pasaran selain ada bekalan yang tidak berkualiti.

Ini adalah masalah yang dihadapi petani padi kepada isu keredaan orang tengah mengawasi masalah benih berkenaan. Sebetulnya membawa kepada masalah kenaikan harga, kualiti dan kelewatan input bertepatan setiap kali tiba musim penanaman padi.

Menurut pesawah, isu kelewatan bekalan serta kualiti benih padi bukan perkara baharu. Ia sudah berlarutan lebih 10 tahun dengan setiap musim masalah ini semakin bertambah. Ini juga antara perkara yang dihadapi petani padi yang berkepada menanam lain seperti kelapa sawit yang lebih mudah dan menguntungkan. Itulah keluhan 248,000 pesawah di seluruh negara yang sudah cuba pelbagai cara meningkatkan pengeluaran padi tetapi hasilnya tetap sama. Tidak pernah capai tahap optimum.

Realitinya, negara sudah jauh ketinggalan dari segi pengeluaran padi berbanding dengan negara tetangga seperti Vietnam, Thailand, Filipina dan banyak lagi yang antaranya sudah menjadi negara pengeksport. Kita masih bergantung kepada import makanan ruiji itu sekitar 35 peratus.

Isu pengairan juga mesti diselesaikan. Air tidak mencukupi ke petak sawah menyebabkan padi yang ditanam tidak dapat tumbuh sehingga menjadi "padi anjing". Petak sawah juga ditumbuhi lalang dan rumput liar termasuk keladi juga.

Tanpa air yang mencukupinya, benih yang ditabur tidak dapat tumbuh dengan sempurna disebabkan masalah pengairan air, menyebabkan yang tumbuh di petak sawah akhirnya banyak padi angku.

Sebenarnya, negara kita banyak hasil penyelidikan yang sangat tetapi sayang banyak yang berakbar sebagai kajian atau 'sunk cost' yang tidak pernah diteliti dan akhirnya menjadi anak dipangku dilepaskan, beruk di hutan dibasuhkan.

Mohd. Razi Mohd. Zin ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia



**Serah MARDI uruskan benih padi**

Dari muka 1

Ketanya, sudah tiba masanya MARDI untuk mengambil inisiatif dalam membekalkan benih padi ini dengan membertanggungjawab tersebut kepada satu pihak sahaja iaitu MARDI yang selama ini sudah berupaya menghasilkan benih-benih padi.

Katanya, soal benih itu sebenarnya sangat mudah di-manipulasi orang tengah yang mengawal pasaran selain ada bekalan yang tidak berkualiti.

Saya cadang bagi setiap pihak sahaja yang berkaitan pembehalan benih padi, sekurang-kurangnya kepada Jabatan Pertanian, MARDI dilihat paling sesuai menguruskan benih padi berkualiti.

Ini kerana jika berlaku apa-apa isu mudah untuk mencari kata putus tanpa perlu melibatkan banyak pihak. Ini perlu dilaksanakan jika tidak perkara sama terus berulang. Katanya, Mohd. Shazwan, ketua MARDI, ketika ditanya mengenai hal ini.

Di samping itu, pesawah juga jika masalah sama terus berulang, akhirnya pesawah akan mula meragukan pelbagai kaedah, tetapi masalah asas ini yang terus berulang. Sepertinya hasil kita semakin baik daripada 10 tahun dahulu, namun pengeluaran benih padi semakin lama semakin menurun," katanya.

Selain itu, katanya, masalah saliran juga masih berada pada tahap teruk yang bakal memberi kesan kepada proses tanam padi.

ACHIT Sing 61 memantau basas azar tidak runtuh dan menyebarkan limpahan air ke kawasan sawahnya di Kampung Behor Gelam, Arau

"Selain itu, kos input pertanian juga terus meningkat peningkatan termasuk terhadap benih padi. Kita dalam usaha ke arah penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun bagi membantu meningkatkan hasil beras negara, dalam keadaan seperti ini, bigamama hendak dilaksanakan.

Di samping itu, pesawah juga jika masalah sama terus berulang, akhirnya pesawah akan mula meragukan pelbagai kaedah, tetapi masalah asas ini yang terus berulang. Sepertinya hasil kita semakin baik daripada 10 tahun dahulu, namun pengeluaran benih padi semakin lama semakin menurun," katanya.

Selain itu, katanya, masalah saliran juga masih berada pada tahap teruk yang bakal memberi kesan kepada proses tanam padi.

## PeSAWAH mahu NAFAS kekal jadi pengeluar, pembekal baja padi

**SHAH ALAM** - Kerajaan perlu mengekalkan peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pengeluar dan pembekal baja padi bersubsidi kepada pesawah-pesawah di seluruh negara.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Mohd Fuad Yaacob berkata, pengekalan NAFAS itu amat penting memandangkan keuntungan pelaburan yang dibuat entiti tersebut akan disalurkan semula kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dengan pulangan dividen, kemudahan bantuan kewangan dan juga zakat.

"Jika kerajaan nak buka ruang pembekalan baja kepada pihak lain, ia secara tidak langsung akan memberi impak kepada NAFAS dan juga rangkaian Pertubuhan Peladang sama ada Negeri atau pun kawasan. Jika kerajaan nak buat baja yang terbaik juga, seharusnya mesti bersama dengan NAFAS dan jangan ambil hak NAFAS ini kerana itu hak kami," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Tambah Mohd Fuad, pihaknya menolak sebarang cadangan atau ura-ura kononnya 30 peratus pembekalan baja padi akan diberikan kepada syarikat swasta.

Sebaliknya, beliau menyifatkan NAFAS telah menunjukkan prestasi tanpa gagal menghantar baja padi



**MOHD FUAD**



NAFAS bukanlah syarikat monopoli. Keuntungannya dikembalikan kepada rangkaian Pertubuhan Peladang, bersesuaian dengan slogannya iaitu 'Daripada Peladang kepada Peladang'."

kepada para pesawah di samping melaksanakan inisiatif *Zero Late Delivery* yang memantapkan lagi perkhidmatan mereka.

"Kita juga dimaklumkan, NAFAS telah



NAFAS telah menunjukkan prestasi tanpa gagal membekalkan baja padi kepada para pesawah.

juga perlu diberikan secara terus kepada NAFAS memandangkan entiti itu ditubuhkan hasil daripada pemuafakatan 14 PPN dan 280 PPK dengan keahlian hampir 1 juta.

"NAFAS bukanlah syarikat monopoli. Keuntungannya dikembalikan kepada rangkaian Pertubuhan Peladang, bersesuaian dengan slogannya iaitu 'Daripada Peladang kepada Peladang',"

ujarnya.

membuat penambahan 30,000 tan metrik *stokpile* baja padi. Justeru, kita rasa tiada masalah daripada segi kualiti selain cukup untuk keperluan para pesawah," jelasnya yang turut memberitahu NAFAS juga membuat program pemindahan teknologi kepada para pesawah di PPK.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan jika ada peruntukan tambahan pakej input pertanian baru

## Jamin selesai isu beras mahal di pedalaman Sabah, Sarawak

**KOTA KINABALU** – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan bakal mencari penyelesaian terbaik bagi memastikan harga beras putih import (BPI) di kawasan pedalaman Sabah serta Sarawak tidak terlalu tinggi ekoran kos pengangkutan.

Beliau menyatakan perkara itu perlu diambil tindakan segera berikutan harga beras di kawasan pedalaman dijangka masih tinggi walaupun kerajaan sudah memberikan subsidi untuk menurunkan harga BPI kepada RM31 bagi kampit 10 kilogram, mulai semalam.

"Harga beras (BPI) sekarang turun kepada RM31, namun ia mungkin sedikit tinggi di kawasan pedalaman disebabkan kos pengangkutan.

"Oleh itu, Kerajaan Persekutuan akan berbincang dengan negeri mengenai langkah boleh diambil bagi memastikan harga BPI di kawasan pedalaman kedua-dua negeri tidak membebaskan," katanya ketika menyempurnakan majlis penutupan Konvensyen Pengurusan Hal Ehwat Islam sempena Ijtimaik Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (JUPAM) 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sa-



**PERDANA Menteri sempat meluangkan masa melayani orang ramai bergambar selepas Majlis JUPAM 2023 di SICC, Kota Kinabalu kelmarin.**


patan di Sabah yang kini hanya kira-kira 25 peratus menyebarkan rakyat terpaksa bergantung kepada beras import.

Pada Isnin lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan pemberian subsidi RM950 bagi satu tan BPI di Sabah dan Sarawak bagi menurunkan harganya kepada RM31 berkuat kuasa semalam.

bah (SICC), di sini kelmarin.

Anwar berkata, kerajaan mengambil keputusan memberikan subsidi untuk BPI di Sabah dan Sarawak untuk menurunkan harganya selepas mengambil kira keluhan rakyat kedua-dua negeri yang terbeban dengan kenaikan BPI baru-baru ini.

Menurut beliau, langkah semantara itu turut mengambil kira peratus pengeluaran beras tem-



**Beligian 2024**  
**MALAYSIA**  
**MADANI**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
 hazwanfaisal@mediaprima.com.my

**Hang!**

**B**elanjawan 2024 perlu memberi penekanan terhadap isu kesediaan dan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, UKM (MINDA-UKM) Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, isu besar yang dihadapi negara pada masa ini adalah tekanan ke atas harga dan bekalan.

Katanya, biarpun banyak pengumuman dibuat mengenai bekalan cukup, namun apa yang berlaku di lapangan menunjukkan sebaliknya.

"Rata-rata orang terpaksa pergi dua tiga tempat hendak dapatkan beras yang dimakan.

"Sekarang kita bukan bercakap mengenai mahu menukar telefon bimbit, tetapi kita sedang bercakap mengenai mahu mengisi perut. Ini antara isu yang amat besar," katanya pada Program Diskusi Pra-Belanjawan 2024 di sini, semalam.

Program turut disertai Ketua Pakar Ekonomi & Kewangan Sosial, Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid; Pengarah Urusan, Gading Kencana Sdn Bhd, Datuk Ir Muhammad Gunter Mansor Tobeng dan Ketua

ISU kesediaan dan kos sara hidup yang semakin meningkat perlu diberi penekanan dalam Belanjanawan 2024.

**KOS SARA HIDUP**

# KAWAL TEKANAN HARGA, BEKALAN

Pengarah, Majlis Amanah Rakyat (Mara) Datuk Seri Azhar Abdul Manaf

Dalam perkembangan lain, Noor Azlan berkata, langkah membenarkan pengambilan pekerja asing bagi subsektor perkhidmatan tukang gunting rambut, tekstil dan tukang emas yang ditumukkan baru-baru ini dilihat bercanggah dengan cadangan mahu mengurangkan kebergantungan pekerja asing.

"Kebanjiran pekerja asing antara punca gaji dan

upah dibayar rendah kepada rakyat di negara ini, khususnya kumpulan berpendapatan rendah.

"Negara kita kini dibanjiri pekerja asing tanpa ke mahiran yang menunjukkan Malaysia menjadi destinasi menarik kepada pekerja ini. Maka, kita mempunyai isu serius yang perlu ditangani," katanya.

Sementara itu, Mohd Afzanizam berkata, kerajaan berada di landasan mencapai sasaran menca- tat defisit fiskal 5 peratus

atau kurang untuk tahun ini berdasarkan indikator yang menggalakkan ditunjukkan serakat ini.

Katanya, berdasarkan tempoh lapan bulan pertama 2023, jumlah hasil tercatat ialah RM201.4 bilion, meningkat 16.2 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Perbelanjaan turut meningkat kepada RM248.6 bilion dalam tempoh dibanding lapan bulan pertama 2022. Ini menunjukkan

kan kenaikan hasil adalah lebih tinggi daripada perbelanjaan.

"Bagi defisit atau lebih perbelanjaan untuk lapan bulan pertama 2023 pula adalah RM47.2 bilion yang baru mencecah sekitar 50 peratus daripada sasaran defisit RM93.9 bilion untuk tahun 2023.

"Jadi, dalam tempoh lapan bulan pertama ini, kerajaan merekodkan 50 peratus defisit perbelanjaan daripada yang disasarkan," katanya.

# Syor hukuman berat petualang beras

Pemuda UMNO cadang hukuman penjara, sebat terhadap pengkhianat subsidi kerajaan

ALOR GAJAH

**K**erajaan di-cadang meng-kaji semula hukuman lebih berat seperti penjara dan sebatan kepada pengkhianat subsidi yang diberikan kepada rakyat dengan cara memanipulasi bekalan beras dalam negara.

Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, hukuman itu bukan semata-mata untuk meng-hukum, namun lebih utama adalah memberi pengajaran khususnya kepada kartel-makanan tuji itu agar tidak mengambil kesempatan dalam situasi rakyat sedang tertekan dengan kelaba-



DR MUHAMMAD AKMAL

an bekalan beras: tempatan. Menurutny, serakat ini hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan yang memanipulasi bekalan beras hanyalah berbe-bekal kampaun dan denda, yang mana mereka mampu meluras-kan bayaran tersebut meskipun mencecah nilai RM100,000. "Hukuman hari ini kalau kita tengok, paling tinggi hanya se-kadar kampaun, Kampaun ini kartel boleh bayar.

"Kalau kita bagi hukuman, contohnya penjara dan hukuman sebat kepada stepa negara, tentu mereka tidak berani melakukannya," katanya.

Beliau berkata de-mikian kepada pem-berita selepas Program Pelepasan Benih Ikan dan Udang Galah di perairan Sungai Melaka di Kampung Gangsa, Durian Tunggal di sini pada Khamis. Hadir sama, Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Low Chee Leong. Beliau yang juga Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan



Gambar yang dimuat naik di Facebook Dr. Muhammad Akmal didakwa beras standard tempatan yang disyhtar sebagai beras hancur.

Keterjaminan Makanan berkata, serakat ini Melaka telah men-dapat beras tempatan tambahan sebanyak 300 tan metrik dan baki sebanyak 200 tan akan di-terima selewat-lewatnya pada minggu hadapan untuk diagih-kan ke semua pasar raya dan kedai runcit di negeri ini.

Menurutnya, Penambahan sebanyak 500 tan metrik beras yang diumumkan pada minggu lalu adalah bagi memastikan rak-yat tidak mengalami Kesukaran untuk mendapatkan bekalan. Beliau juga menolok wujud situasi pembelian panik sehingga menyebabkan bekalan beras habis di pasaran.

"Beras tak ada, macam mana berlaku pembelian panik? Cuma saya minta rakyat Melaka tidak beli beras dalam kuantiti yang banyak. 10 kilogram itu cukup untuk menampung keperluan da-

lam tempoh seminggu," katanya. Beliau berkata, pada minggu ini juga bekalan beras tempatan



SHAHUL HAMID



SUNDRAMOORTHY

SHAH ALAM. - Sudah tiba masanya kerajaan memperkenalkan akta baharu yang membolehkan hukuman salmpal dikenakan kepada mereka yang menyeleweng barangan ber-subsidi.

Pakar Kriminologi, Datuk Shahul Hamid Abdul Rahim berpandangan, hukuman seperti penjara minimum lima tahun dan sebatan mandatori mengukir jenis kesalahan juga perlu dipertimbangkan supaya bakal pen-jenayah takut untuk melakukannya.

"Saya pernah menyarankan agar kerajaan mengeluarkan akta baharu yang membolehkan hukuman sebatan mandatori dikenakan kepada mereka yang menyeleweng barangan ber-subsidi, jika kartel tidak wujud maka barangan-barang ini mudah untuk dapat di pasaran.

akan dijual di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) se-lain pasar raya dan kedai runcit di negeri ini bagi memudahkan rakyat mendapatkan bekalan.

Dr Muhammad Akmal dalam catatan di Facebooknya se-belum ini berkata, sikap tamak kartel beras di negara ini 'me-rompak' subsidi daripada kerajaan menjadi punca kekurangan bekalan beras puth tempatan.

Menurutnya, ia dilakukan de-ngan cara menjualnya sebagai beras hancur pada harga yang tidak dikawal sedangkan ia ada-lah beras tempatan yang sudah mendapat subsidi kerajaan.

"Disebabkan beras hancur boleh dijual pada harga bukan kawalan, maka kartel-kartel be-ras ini telah menjual beras stan-dard (tempatan) dengan harga beras hancur.

"Jika harga beras tempatan ditetapkan pada RM2.60 se-kilogram tetapi kartel ini telah menjual dengan harga RM3.40 sekilogram apabila menukarkan biji jualan mengikut harga beras hancur dan inilah antara peng-Klilat yang meneken rakyat di bawah ini," katanya.

## 'Kalau kena sebat, mereka tak berani sorok barangan subsidi'

Sementara itu, Pensyarah Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Datuk Dr P Sundramoorthy berpendapat tindakan menjarakan pesalah yang tidak terikat dengan keganas-an serius akan menyumbang kepada kesesakan di penjara.

"Jelas beliau, kesesakan berlembih boleh menyebab-kan sumber tidak mencukupi selain program pemuliharaan menjadi terhad.

"Ia juga meningkatkan peluang untuk menjalin rangkaian dengan pelbagai jenis pesalah melalui sosia-lisasi dan interaksi yang kerap serta tingkah laku jenayah baharu akan dipelajari di penjara.

"Daripada membenarkan tempatan kepada hukuman, kerajaan harus mengutamakan pemuliharaan. Pemeliharaan tidak menangani isu sosial asas yang mungkin menyumbangkan kepada tingkah laku jenayah.

"Mereka masih perlu dihukum tetapi bukan dengan hukuman penjara. Inilah sebab mengapa garis panduan hukuman amat penting," ujarnya.

pasti mereka tidak berani untuk sorok barangan.

"Selain membebaskan kerajaan, perbuatan mereka juga telah menyusahkan rakyat yang terdesak untuk mendapatkan bekalan ba-rang keperluan," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Terdahulu Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhammad Akmal Saleh dilaporkan mencadangkan kerajaan agar mengukir hukuman penjara dan sebatan kepada pihak yang

menyeweng subsidi kerajaan terutama kartel-kartel. Shahul Hamid turut mengukir hukuman berbe-bekal den-da sudah tidak relevan kerana pesalah mampu melunaskan bayaran meskipun mencecah RM100,000.

Malah jumlah tersebut tidak menjejaskan keuntungan-keuntungan barangan terikat, katanya.

Bernaama

Azur Gajab

Kerajaan diseran nilai semula hukuman kepada mereka yang 'mendakam' subsidi diberikan kepada rakyat dengan meminalisasi beban beras dalam negeri.

Kerua Pemuda Umno, Dr Mubamad Akmal. Saleh berkata, hukuman lebih berat seperti hukuman mati tidak bertanggjawab sebagai pengajaran kepada mereka yang mendakam subsidi yang ada hari ini ialah sebagai kompas dan ia masih mampu dihayati walaupun diada di negara ini. Beliau berkata RM100,000 jika melakukan

ISU BEKALAN BERAS

Syor nilai semula hukuman

Kesalahan terbahit. Tindakan ini bukanlah hukuman, namun lebih kepada mereka agar jagan nilai yang mereka dan menghidari subsidi se dalam pada itu, Dr Akmal yang juga Exco Kemanusiaan dan Keperluan Masyarakat negeri, law

ikan dan Undang Galah di peranti. Sengaja di lakukan tindakan ini untuk menyuarakan 'Tunggal' semalam, yang turut dihadiri Timbalan Exco Kemanusiaan dan Keperluan Masyarakat negeri, law

mendapat tambahan 900 tan metrik-beras tempatan dan baki 200 tan metrik diimport. Beliau berkata, pada minggu ini juga, bekalan beras tempatan akan dipulihkan. Beliau berkata, pada minggu ini juga, bekalan beras tempatan akan dipulihkan. Beliau berkata, pada minggu ini juga, bekalan beras tempatan akan dipulihkan.

"Tada pembelian panik berlaku di Johor, kerana beras tempatan pan sakar di dapati, cuma saya minta rakyat Melaka tidak menyalahkannya dalam kumud bank di negeri. Beliau berkata, pada minggu ini juga, bekalan beras tempatan akan dipulihkan. Beliau berkata, pada minggu ini juga, bekalan beras tempatan akan dipulihkan.



MELAKA mendapat tambahan 300 tan metrik beras tempatan dan baki 200 tan metrik akan dicrima sebagai lewatnya minggu depan. - Gambar: Ihsan

Setuju tak ambil alih 33% kepentingan BPlant

Kuala Lumpur: Lembaga Pengurusan Harta (LPH) berunding dengan Bhd (BBB) dan Kuala Lumpur Kepong Bhd (KLK) berseutu untuk tidak menjual pengambilalihan 33 peratus saham BPlant dan BPlant) dengan pertambahan nilai RM1.15 bilion. BPlant dan KLK berkata bahawa syarat-syarat dan timbangan nilai RM1.15 bilion oleh KLK. BPlant dan KLK berkata bahawa syarat-syarat dan timbangan nilai RM1.15 bilion oleh KLK. BPlant dan KLK berkata bahawa syarat-syarat dan timbangan nilai RM1.15 bilion oleh KLK.

(untuk KLK) dan tahun ke-10 (untuk BPlant). LPH adalah pemegang kepentingan utama dalam BPlant dan syarikat induknya adalah BPlant. Pada 31 Ogos, BPlant dan KLK mengumumkan untuk membeli 790.20 juta saham, atau 33 peratus ke-10, dari BPlant. BPlant dan KLK juga mencadangkan tawaran pengambilalihan BPlant dan KLK. BPlant dan KLK juga mencadangkan tawaran pengambilalihan BPlant dan KLK.

# Tanam padi keliling rumah

Suri rumah menanamnya di atas tanah selain gunakan bekas tong dan pasu

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**  
**SUNGAI BULOH**

**B**ermula sekadar hobi siapa sangka padi yang ditanam sekeliling rumah kini membuahkan hasil dan dapat menampung keperluan harian ketika harga beras naik mendadak di pasaran.

Seorang suri rumah, Norsalihan Mohamed Amzah, 52, berkata, padi itu ditanam sejak lima tahun lalu sebagai terapi kepada suaminya yang sakit.

Menurutnya, walaupun suaminya telah meninggal dunia setahun lepas, namun dia tetap meneruskan hobi tersebut atas faktor minat kepada cucuk tanam.

"Di sini (Sungai Buloh) tanahnya terhad jadi selain tanam atas tanah, saya gunakan juga bekas tong dan pasu yang airnya ditambah dua ke tiga hari sekali untuk memastikan ia tidak kering.

"Padi seperti yang kita tahu perlu ada tali tapi disebabkan saya tanam secara kecil-kecilan, maka saya sesuaikan dengan keadaan," katanya ketika ditemui di rumahnya sini pada Khamis.

Norsalihan berkata, padi yang ditanam itu dituai tiga kali setahun yang menghasilkan kira-kira 10 kilogram (kg) bagi setiap musim.

"Ia sedikit sebanyak membantu mendadak kini. Ada ketika saya juga buat emping dan tepung beras.

"Bukan sekadar padi, saya juga tanam sayur-sayuran seperti terung, bendi



Sawah mini diusahakan Norsalihan di rumahnya di Sungai Buloh. Suri rumah itu juga turut menanam padi dalam bekas tong dan pasu.

dan jagung. Sayur-sayuran ini tidak dijual, hanya keperluan sendiri dan juga diberikan kepada jiran-jiran," katanya.

Menurut ibu kepada empat orang anak ini lagi, hobi menanam padi telah menarik masyarakat sekeliling untuk turut serta menanam padi menggunakan kaedah sama.

"Untuk saya bergantung sepenuhnya kepada hasil padi yang ditanam ini sedikit sukar kerana tiada tanah yang luas, ia lebih kepada mengisi masa lapang.

"Saya tidak menggunakan sebarang

jenis racun ke atas tanaman padi, jadi beras yang dihasilkan bebas bahan kimia.

"Ketika harga bahan makanan yang sedang melambung di pasaran ada baiknya saya bercucuk tanam menampung keperluan makanan," katanya.

Ditanya mengenai pemrosesan padi, Norsalihan berkata, pada awalnya dia menggunakan kaedah manual. Namun kini menjadi mudah selepas seorang rakannya membeli mesin beras. "Jadi saya kumpulkan hasilnya, bila dah banyak saya akan ke rumah rakan di Tanjong Karang untuk proses padi menjadi beras," katanya.



Norsalihan menunjukkan sawah mini yang ditanam di kawasan keliling rumah bagi mengisi masa lapang.